



TEKS UCAPAN

YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

HARI BERSAMA ICT 2022

TARIKH : 5 JULAI 2022 (SELASA)

MASA : 8.00 PAGI – 5.00 PETANG

PLATFORM : LINK ZOOM

**[https://zoom.us/j/91003171667?pwd=RFZvdS80R2xLM21kdjJDaENU
RUFjUT09](https://zoom.us/j/91003171667?pwd=RFZvdS80R2xLM21kdjJDaENU
RUFjUT09)**

Meeting ID: 910 0317 1667

Passcode: 130370

Bismillahirrahmanirrahim

Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh dan Salam Sejahtera

YBrs. Dr. Rosli bin Dermawan,

Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi)

YBrs. Dr. Ishak bin Mansor,

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal dan menanggung kerja
Timbalan Ketua Pengarah (Program Perkhidmatan Teknikal),
merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Agensi Nuklear Malaysia,

YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zain,

Pengarah Kanan (Program Pengurusan),

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengurus-Pengurus Unit,

Dr./Ts/Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun secara maya kali ini sempena program **Hari Bersama ICT Nuklear Malaysia tahun 2022.**

2. Seperti yang telah dimaklumkan Program Hari Bersama ICT Nuklear Malaysia 2022 ini merupakan kali ke-2 dianjurkan secara maya dan program ini dapat diikuti dan boleh diakses di mana-mana sahaja mengikut keselesaan para peserta dan penceramah.
3. Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran Dr./Ts/Tuan-tuan dan Puan-puan yang menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi terhadap program ini.

PENGLIBATAN DAN KEJAYAAN PROGRAM ICT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Agensi Nuklear Malaysia merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang menjalankan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan teknologi nuklear ke arah menjana ekonomi negara berasaskan inovasi. Seajar dengan fungsi Nuklear Malaysia yang kritikal ini, prasarana, sistem dan perkhidmatan ICT yang mantap merupakan keperluan yang amat penting.
5. Bagi tujuan ini, elemen yang melibatkan prasarana, sistem, perkhidmatan ICT agensi dan pelan perancangan yang strategik amat diperlukan bagi menyokong fungsi agensi ini supaya ia akan lebih produktif dan berdaya saing. Selain itu, Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) juga diperlukan untuk memastikan projek ICT

yang dilaksanakan perlu dirancang dengan teliti dan dilaksanakan dengan baik supaya dapat memberi pulangan nilai untuk wang (*value for money*), impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

6. Dalam menyokong pelaksanaan Kerajaan Digital, Nuklear Malaysia melalui Pusat Teknologi Maklumat (PTM), BST dan jalinan kerjasama Bahagian yang lain telah dan sedang membangunkan beberapa sistem aplikasi bagi memudahkan urusan perkhidmatan E2E kepada pelanggan dan warga Nuklear Malaysia. Antaranya adalah perkhidmatan eSSDL, eClient, SPKMS, TechDesk, eBorang, ePC, eTAS, SPPS, eBuletin dan sebagainya seiring dengan usaha pihak MOSTI dan MAMPU.
7. Hal ini juga selaras dengan tema Hari Bersama ICT tahun ini iaitu "*Teknologi Digital Pemacu Produktiviti Agensi*" yang mana pelaksanaan aplikasi seumpama ini iaitu melalui teknologi *mobile* dan teknologi baharu yang muncul (*emerging technology*) perlu dipergiatkan bagi menyediakan kepelbagaian saluran penyampaian perkhidmatan kepada G2G, G2E dan G2C dengan lebih cepat dan berkesan.

PENUTUP

8. Saya berharap semoga Hari Bersama ICT Nuklear Malaysia 2022 ini menjadi wadah dan platform dalam pencetusan idea-idea

berkaitan keperluan baharu ICT yang kreatif dan inovatif serta memberikan pendedahan terhadap *trend* teknologi terkini kepada semua.

9. Di kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program Hari Bersama ICT Nuklear Malaysia 2022, termasuklah CIO, CDO, ICTSO dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Bahagian Sokongan Teknikal selaku *anchor* atau urusetia, para peserta dan semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan Hari Bersama ICT Nuklear Malaysia 2021 kali ini.
10. Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan ini saya merasmikan Hari Bersama ICT Nuklear Malaysia 2022 dan selamat berseminar semua.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh